

Inisiatif Malaysia-Turkiye atasi Islamofobia tuntut sokongan OIC, negara Islam

‘**Kalau** tidak dipecahkan ruyung, bagaimana hendak dapat sagunya’. Akhirnya inisiatif dan cita-cita menangani isu Islamofobia di pentas global menjadi kenyataan susulan Malaysia dan Turkiye mencapai kesepakatan untuk menangani ancaman Islamofobia secara bersama.

Menerusi kesepakatan itu, Turkiye akan melaksanakan strategi menangani gerakan anti-Islam dan Islamofobia di lokasi kegiatan berpusat di Eropah dan Asia Barat, manakala Malaysia di kawasan Asia.

Kesepakatan itu dicapai secara rasmi antara Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan apabila dua pemimpin itu bersetuju mempertingkatkan usaha kerjasama dan strategi mengekang gerakan pihak membenci Islam tanpa asas kukuh berpusat di serata dunia.

Keputusan bersama ini juga menjadi penanda aras baharu hubungan diplomasi Malaysia-Turkiye yang diketahui memiliki sejarah ‘ukhwah’ kukuh khususnya memperjuangkan dan memartabat Islam di pentas dunia, termasuk mempertahankan Islam daripada diancam serta sasaran kebencian global.

Menerusi 13 komitmen dipersetujui bersama antara Anwar dan Erdogan, ia memberi gambaran komitmen Malaysia dan Turkiye menangani Islamofobia adalah muafakat serius bertaraf antarabangsa yang seharusnya disokong umat Islam seluruh dunia, terutama Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam.

OIC sepatutnya menyokong inisiatif Malaysia dan Turkiye ini memandangkan pertubuhan itu sering dilihat gagal memenuhi obligasi mempertahankan serta melindungi Islam, terutama membabitkan pencerobohan rejim Zionis di Palestin, khasnya di Baitulmaqdis dan Masjid Al-Aqsa.

Bahkan, kesepakatan Malaysia-Turkiye itu turut menyentuh perkara untuk ‘melihat semula’ resolusi diterima pakai ketika Sidang Luar Biasa ke-18 Majlis Menteri Luar OIC pada 31 Julai lalu, yang menyatakan kebimbangan terhadap peningkatan kempen memburukkan Islam, serta menghasut tindakan keganasan, xenofobia dan berkaitan sikap tidak bertoleransi terhadap simbol agama Islam.

Bermakna, Malaysia dan Anwar juga perlu mendapat sokongan negara jiran ASEAN khasnya Indonesia, negara memiliki umat Islam paling ramai di dunia dan Brunei Darussalam, antara negara Islam terkaya kaya menerusi hasil petroleum bagi menjayakan ‘inisiatif Islam’ ini.

Di Asia, Malaysia tidak boleh bersendirian untuk memperjuangkan agenda menangani Islamofobia ini tanpa bantuan dan sokongan ‘negara rakan seagama’. Walaupun inisiatif ini bakal membabitkan isu diplomatik, ia tidak seharusnya menjadi benteng pemisah sehingga menggagalkan satu niat suci ini.

Apa yang penting, dunia perlu disedarkan bahawa Islam agama suci, selamat dan damai untuk semua. Bersama Turkiye, yang juga negara anggota Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO), kesepakatan menangani Islamofobia diharap mendatangkan impak sewajarnya, selari Matlamat Pembangunan Lestari dalam konteks agama.